

DEWAN LULUS USUL TAKZIAH

KUALA LUMPUR, Rabu — Dewan Rakyat hari ini meluluskan sebuah usul merakamkan takziah di atas kematian Speaker Tan Sri Datuk Syed Nasir Ismail, yang dibentangkan oleh Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sewaktu membentangkan usul tersebut dengan nada sedih dalam suasana Dewan yang muram berkata: "Allahyarham ialah seorang anak watan yang banyak memberi sumbangan dalam usaha memperjuangkan kestabilan politik, kesucian agama Islam, kedaulatan Bahasa Kebangsaan dan bergiat aktif di bidang politik.

"Kembali ke Rahmatullah, Allahyarham Tan Sri Syed Nasir merupakan satu kehilangan yang besar kepada negara.

"Semenjak remaja lagi, beliau telah memperlihatkan kesungguhannya dalam setiap tugas dan kerjanya," kata Perdana Menteri.

Setelah bersara dari perkhidmatan kerajaan tahun 1968, beliau telah berkhidmat lebih kurang 27 tahun, beliau dilantik sebagai Pengarah De-

wan Bahasa dan Pustaka tahun 1969.

Beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Padi dan Beras Negara sebelum dilantik menjadi Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat tahun 1974. Tahun 1978 beliau dipilih menjadi Yang Dipertua Dewan Rakyat.

"Ketokohan Allahyarham Tan Sri Syed Nasir di bidang politik adalah suatu yang sangat di banggakan. Beliau turut menyumbangkan tenaganya untuk negara mencapai kemerdekaan.

Pendidikan

"Beliau adalah ahli Majlis Tertinggi Umno dan yang paling lama berkhidmat dalam majlis itu.

"Beliau telah dipilih menjadi Ahli Parlimen tahun 1969 di mana beliau memenanginya tanpa berunding.

Beliau seterusnya dipilih lagi menjadi Ahli Parlimen tahun 1974.

"Di bidang pendidikan, Allahyarham begitu bersungguh-sungguh berusaha meningkatkan taraf pelajaran, khususnya di bidang pengajian tinggi. Beliau pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Universiti Kebangsaan Malaysia

dan kemudian dilantik menjadi Pro Canselor Universiti itu.

"Beliau telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kedaulatan Bahasa Kebangsaan termasuklah usaha menyamakan ejaan Bahasa Malaysia dan Indonesia," kata beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga berkata, Allahyarham juga memberi sumbangan yang tidak kurang penting di bidang meningkatkan syiar Islam.

Beliau dilantik sebagai Pengerusi Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan ahli Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam.

"Khidmat beliau untuk menayakan musabiqah tiap-tiap tahun adalah suatu yang sangat dihargakan. Beliau telah bekerja bersungguh-sungguh untuk menayakan musabiqah ini hinggalah negara kita menjadi begitu terkenal di kalangan negara-negara Islam sedunia.

"Sumbagannya kepada agama dan negara tidaklah sedikit. Jasa baktinya akan tercatat dalam sejarah untuk menjadi contoh tauladan dan pendorong kepada generasi-generasi akan datang," kata beliau.

Semasa beliau memegang jawatan Yang Dipertua Dewan yang mulia ini tamahnya, Allahyarham Tan Sri Syed Nasir telah menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan penuh cekap, tegas dan adil.

Dengan khidmat yang cemerlang itu, Allahyarham telah meningkatkan lagi taraf prestasi urusan Dewan ini.

Pemimpin

Sebagai mengenangkan jasa-jasa beliau yang terpuji kepada negara dan agama Islam, Allahyarham di anugerahkan dengan berbagai-bagai bintang dan darjah kebesaran oleh Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri.

"Ini termasuklah darjah kebesaran Panglima Mangku Negara yang dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1971," kata beliau.

Menurutnya, pemergian Allahyarham amat dirasai oleh sebilangan besar dan pernah berjuang bersama-sama dalam bidang politik, pendidikan dan dalam men-

choon yang mengagumkan bahawa pemergian Allahyarham bermakna Malaysia kehilangan seorang anak watan yang mulia.

Datuk Lee berkata, Allahyarham melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan adil, dan sentiasa dihormati oleh semua ahli parlimen.

Presiden SUPP yang tuga Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui juga merakamkan takziahnya dengan rasa terharu dan sedih.

Ikhlas

Presiden Berjasa, Menteri Tak Bertopol di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Mohamad Nasser pula berkata, pemergian Allahyarham adalah kehilangan seorang yang mendaulatkan Bahasa Kebangsaan dan syiar Islam.

Timbalan Presiden Gerakan merangkap Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Paul Leong membertiuh Dewan, Allahyarham menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cemerlang, penuh dedikasi, tegas dan adil.

Nab Presiden SNAP merangkap Menteri Tenaga, Pos dan Telekom pula berkata, Allahyarham telah bertugas dengan ikhlas, cekap dan tegas serta adil.

Presiden MIC merangkap Menteri Kerjasama dan Kemudahan, Datuk S.Samy Velu pula berkata, kehilangan Allahyarham adalah sukard dicari gantinya.

Nab Presiden PBB, merangkap Menteri Pelajaran, Datuk Dr. Sulaiman Daup yang mengemukakan bahawa beliau cuba memberi pertolongan kepada Allahyarham di Dewan petang semalam pula berucap dengan panjang lebar mengenai ketokohan Allahyarham di bidang pelajaran dan Bahasa Kebangsaan.

Panglima

Katanya, Allahyarham adalah panglima bahasa yang sentiasa menyerang dan diserang sewaktu hayatnya di Dewan Bahasa dan Pustaka.

"Tanpa Allahyarham, beliau adalah Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bahasa Melayu mencapai kedudukan seperti yang kita saksikan pada hari ini," sambungnya.

Datuk Dr. Sulaiman Daud juga memberi penghargaan tinggi terhadap jasa Allahyarham dalam membina dan mendaulatkan kewujudan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Encik Abdul Ghani Misbah dari Kinabatangan yang mewakili Berjaya pula berkata, kehilangan Allahyarham adalah kehilangan seorang nasionalis negara.


Haji Ampong Poyong dari Labuk Sugut yang mewakili USNO menegaskan, kehilangan Allahyarham mesti dikenang sebagai kehilangan seorang patriot bangsa.

Terharu

Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kii Siang menifatkan Allahyarham sebagai adil dan tegas dalam menjalankan tugasnya.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Haji Abu Bakar Umar menyampaikan ucapan takziah partinya dengan perasaan terharu dan sedih.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga ahli Pertubuhan Asean (AIPO) merakamkan ucapan takziahnya bagi keseluruhannya ahli AIPO di Malaysia, Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina dan menifatkan kehilangan Allahyarham sebagai kehilangan seorang nasionalis, regionalis dan tokoh antarabangsa.



Jenazah Allahyarham dibawa dari Taman Merbok ke Masjid Negara

inggikan syiar Islam.

Bidang politik, tambah beliau, telah kehilangan seorang pemimpin yang dihormati, bidang pendidikan kehilangan seorang pejuang yang cekal dan berani, manakala masyarakat Islam telah kehilangan seorang tokoh yang tidak jemu menyumbangkan tenaga dan pemikiran untuk meninggikan syiar Islam. Negara kehilangan seorang putera yang berbakti.

"Bagi pihak Kerajaan, saya dan semua ahli-ahli Dewan Rakyat ini amat sedih dan terharu dengan kembalinya ke rahmatullah Allahyarham Tan Sri Datuk Syed Nasir bin Ismail dan bagi pihak Kerajaan dan ahli-ahli Dewan Rakyat ini, saya dengan tulus ikhlasnya menyampaikan ucapan takziah kepada keluarganya. Semoga Allah mencurahi rahmat ke atas rohnya," kata Perdana Menteri mengakhiri ucapan takziah.

Usul Perdana Menteri disokong oleh Menteri Pengerusi Dewan MCA, Datuk Lee San

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia